



SASARAN KERJA UTAMA

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

1. Logo Kementerian	1
2. Keterangan Logo	2
3. Falsafah Pendidikan Negara	3
4. Misi Kementerian	4
5. Objektif Kementerian	5
6. Nilai-nilai Teras	6
7. Piagam Pelanggan Kementerian Pendidikan	7
8. Sasaran Kerja Utama Kementerian	9

LOGO KEMENTERIAN PENDIDIKAN



KETERANGAN LOGO

Bulan dan Bintang adalah melambangkan agama dan kepercayaan kepada Tuhan sesuai dengan prinsip Rukunegara. Bulan dan bintang juga melambangkan negara, Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan simbol “federalisme” yang didukung oleh Perlembagaan Persekutuan.

Buku yang terbuka kelihatan seperti cantuman rehal atau bentuk bumbung yang menatangi atau memayungi peranan institusi-institusi pendidikan di bidang ilmu, tradisi pengajian dan pendidikan untuk semua tanpa mengira keturunan kaum, agama dan latarbelakang budaya ke arah melahirkan bangsa Malaysia selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Garis di kiri kanan melambangkan dinamisme pendidikan, pendemokrasianya dan sistem yang sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman, perubahan dan tuntutan baru negara sesuai dengan ketentuan masa dan acuan bangsa.

Bulat melambangkan lilitan kesempurnaan dan kebulatan segala usaha dalam visi dan misi pendidikan. Bulat melambangkan perpaduan dan integrasi nasional, ‘bulat air kerana pembetung dan bulat manusia kerana muafakat’ dan cita-cita pembangunan yang bersepadu antara duniaawi dan ukhrawi. Bulat adalah lambang perhubungan antara manusia dengan Tuhan dan di antara manusia sesama manusia dalam jasmaniah dan rohaniahnya.

Bentuk geometrikal **empat segi** menatakan bahawa sistem pendidikan dari segala sudut akan sentiasa menyalurkan kesedaran dan keinsafan individu dan masyarakat terhadap kemajuan yang berasaskan sains dan teknologi.

Keseluruhan logo mengambil **warna** bendera Malaysia. Biru sebagai imej korporat dan identiti pendidikan yakni suatu kekuatan utama dalam pembinaan negara bangsa (nation state). Kuning melambangkan kenegaraan dan kebangsaan dan merah melambangkan patriotisme. Putih adalah nilai-nilai budaya positif; Iltizam dan penyayang; kemuliaan insan dan budiman yang berpijak di atas nilai-nilai teras Kementerian Pendidikan iaitu berakhlik mulia, berilmu, berfikir, rajin, amanah dan ikram.



FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan Bangsa Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan keluarga serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

FALSAH PENDIDIKAN NEGARA

MISI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Mewujudkan Sistem Pendidikan yang terbaik untuk menghasilkan insan yang mempunyai daya ketahanan tinggi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu, masyarakat dan negara.

OBJEKTIF KEMENTERIAN PENDIDIKAN

- 1. Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu;**

- 2. Melahirkan insan yang beriman, berakhhlak mulia, berilmu, berketrampilan dan sejahtera;**

- 3. Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara; dan**

- 4. Memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia;**

NILAI TERAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN

✿ **BERAKHLAK MULIA**

✿ **AMANAH**

✿ **RAJIN**

✿ **IKRAM**

✿ **BERILMU**

✿ **BERFIKIR**

PIAGAM PELANGGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1.1. Menentukan lada pokok budi hiruk dalam Sistem Pengajaran Negara
nsb amanah dan berkesan
1.2. Mewujudkan sumber daya manusia berkualiti
nsb amanah dan berkesan
1.3. Memastikan semua kanak-kanak mendapat pelajaran
nsb amanah dan berkesan
1.4. Memastikan semua kanak-kanak mendapat pengalaman
nsb amanah dan berkesan
**KAMI WARGA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
DENGAN PENUH TEKAD DAN ILTIZAM
BERIKRAR DAN BERJANJI AKAN MENUMPUKAN
SELURUH TENAGA DAN USAHA KAMI UNTUK**

1. Menyediakan sistem pendidikan yang terbaik berasaskan budaya ilmu bagi memenuhi kehendak individu, masyarakat dan negara serta memenuhi matlamat perpaduan negara;
2. Menentukan keluaran sistem pendidikan mempunyai nilai-nilai teras yang ditetapkan dan ciri-ciri yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara;
3. Memberi peluang yang sama kepada setiap kanak-kanak tanpa mengira latar belakang, agama dan keturunan untuk mendapat pendidikan yang sebaik-baiknya;
4. Mewujudkan jentera dan sistem pengurusan pendidikan yang cekap, berkesan, canggih, dinamik dan berteraskan kepada pembaharuan yang berterusan;

5. Menguruskan kerja dengan cekap, pantas dan bijaksana;
6. Menyediakan staf yang mencukupi serta berdedikasi, komited, terlatih, berdisiplin, bertanggungjawab dan produktif;
7. Menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang selesa, lengkap dan mencukupi berteraskan piawaian-piawaian tertentu selaras dengan pengamalan perkhidmatan penyayang;
8. Memastikan Kementerian sentiasa peka dan responsif kepada kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan pelanggan - murid, guru, masyarakat dan negara/Kerajaan; dan
9. Meningkatkan kegemilangan dan martabat profesion keguruan untuk menarik individu-individu yang terbaik menyertai perkhidmatan pendidikan.

SASARAN KERJA UTAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1. PENDEMOKERASIAN PENDIDIKAN

- 1.1 Menentukan tiada pelajar buta huruf dalam Sistem Pendidikan Negara.
- 1.2 Mewujudkan Pendidikan Universal selama 11 tahun.
- 1.3 Menyediakan bilik darjah dan guru-guru terlatih yang mencukupi selaras dengan pertambahan penduduk.
- 1.4 Memastikan semua kanak-kanak memasuki sistem persekolahan dan mencapai tahap ‘competency’ yang minimum yang ditetapkan di peringkat-peringkat tertentu.
- 1.5 Menyediakan kemudahan asas pendidikan mengikut piawaian yang ditetapkan.
- 1.6 Menentukan kadar penyertaan di tahap-tahap seperti berikut:-

Rendah	:	100%
Menengah	:	100%
Menengah Atas	:	100%
Lepasan Menengah	:	60%
Institusi Pendidikan Tinggi	:	30%
- 1.7 Memastikan semua kanak-kanak akan memasuki sekolah pada umur 5 tahun.

2. PERPADUAN NEGARA

2.1 Mewujudkan satu Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan menggunakan pendekatan seperti berikut:

- a) Semua sekolah rendah pelbagai aliran dibina dalam satu kompleks; dan
- b) Mensepadukan Sekolah agama rakyat/Kerajaan Negeri serta Sekolah “Missionary” selaras dengan Sistem Pendidikan Negara.

2.2 Memberi penekanan kepada tema dan fokus perpaduan di dalam media cetak dan media elektronik.

metatac pleskem lene-a-danu. Autore: nofisneim
gnyu. Yonateqnoo q-nel sasonec. lso pleskem
ujiheret tsophoq-tsophoq ib. nofisneim posy truminihi.
Mery cekarai KU. Ladi hikem adanai perdidiken
tuligni yang selera jenaka. Ria tuysicukui peta raskan
piawaian-piawaian laiqatib gatensiewslangan
bencahalan perkhidmatan penyayang;

ihedya qariq-qasid ib. pleskem qab' lpejulonem M. 8.1
-lukined

8. Memastikan Kementerian sentiasa fuka dan
responst kepada kebutuhan ketibaan dan
keperluan-keperluan pelanggan - mud, guru,
masyarakat dan negara/Kerajaan, dan

9. Meningkatkan kegemilangan dan martabat
profesional kejuruan untuk mencapai individu
yang terbaik mempertumbuhkan perkhidmatan berkualiti,

3. KEMUDAHAN PENDIDIKAN

- 3.1 Memastikan hanya satu sesi persekolahan disemua peringkat rendah dan menengah.
- 3.2 Menentukan saiz kelas seperti berikut:
 - a) Sekolah Rendah tidak melebihi 35 orang; dan
 - b) Sekolah Menengah tidak melebihi 40 orang.
- 3.3 Menetapkan sesi persekolahan dari jam 8.00 pagi sehingga 4.00 petang.
- 3.4 Membekalkan semua sekolah dengan kemudahan asas, seperti bekalan air, jalan, elektrik, komputer, telefon, mesin fax dan lain-lain.
- 3.5 Menyelenggara semua institusi pendidikan mengikut piawaian tertentu.
- 3.6 Memastikan kemudahan-kemudahan tambahan seperti rumah guru, asrama desa dan kemudahan sukan disediakan.
- 3.7 Memastikan kemudahan seperti berikut ketahap optimum:
 - a) Peralatan dan bahan pengajaran serta pembelajaran;
 - b) Buku teks;
 - c) Biasiswa dan lain-lain.
- 3.8. Menyatukan sekolah-sekolah kecil di luar bandar.

4. KEMUDAHAN PENDIDIKAN TINGGI

- 4.1 Menentukan 30% daripada penduduk yang berumur antara 19 hingga 24 tahun mendapat peluang untuk mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi.
- 4.2 Menubuhkan 20 buah kolej junior bagi menggantikan kelas tingkatan 6.
- 4.3 Menaikkan taraf Maktab-Maktab Perguruan/Politeknik menjadi Kolej Universiti.
- 4.4 Menentukan institusi pendidikan tinggi tempatan dapat menampung antara 20,000 - 30,000 pelajar.
- 4.5 Menubuhkan 3 buah universiti baru termasuk universiti terbuka dan universiti pendidikan.
- 4.6 Menaikan taraf KUSZA kepada kampus cawangan universiti sedia ada.

5. PEMBELAJARAN SEUMUR HIDUP

- 5.1 Mengujudkan sistem pendidikan yang fleksibel di peringkat menengah ke peringkat pendidikan tinggi;
- mensepadukan program dan aktiviti pendidikan dengan sektor swasta.
 - mengujudkan celik budaya saintifik dan teknikal.
 - menyediakan kelas lanjutan di semua peringkat dan mempelbagaikan kurikulum kelas komputer.
 - menyediakan pelbagai laluan dan pilihan untuk memasuki bidang-bidang pengajian/kerjaya.

7.5 Mewujudkan sistem persijilan terbuka di peringkat SPM, dan

7.6 Mewujudkan kaedah penilaian bagi kurikulum baru

6. PENDIDIKAN/KEPERLUAN KHAS

- 6.1 Mengintegrasikan pelajar yang mempunyai keperluan khas di dalam sekolah biasa.
- 6.2 Membina sekolah untuk pelajar-pelajar dengan keperluan-keperluan khas yang tertentu.
- 6.3 Memperuntukkan kemudahan kepada pelajar yang berbakat di dalam bidang-bidang tertentu seperti kesukanan dan kesenian.
- 6.4 Menubuhkan Institut Pendidikan Khas.
- 6.5 Meningkatkan taraf KUSZA kepada kampus universiti terbuka dan universiti pendidikan.
- 6.6 Meraikan taraf KUSZA kepada kampus universiti sedia ada.

7. PENILAIAN DAN PENGUKURAN

- 7.1 Melaksanakan sistem peperiksaan terbuka bermula dengan matapelajaran Sains Sosial;
- 7.2 Menggubal alatan-alatan ukuran dalam domain afektif, domain bakat dan domain minat; menggubal alat pengukuran kecerdasan jenis intro-perseorangan, muzik, spatial, kinesthetic selain daripada kecerdasan logiko matematik dan bahasa.
- 7.3 Mempastikan 60% soalan-soalan hendaklah berupa ‘critical thinking’;
- 7.4 Memantapkan alatan penilaian diagnostik dalam semua matapelajaran di semua peringkat persekolahan.
- 7.5 Mewujudkan sistem persijilan terbuka di peringkat SPM; dan
- 7.6 Mewujudkan kaedah penilaian bagi kurikulum baru rekacipta.

8. KURIKULUM

8.1 Mengubahsuai kurikulum sekolah rendah dan menengah untuk menghadapi dan menangani isu-isu semasa seperti berikut:-

- a) perpaduan negara.
- b) pendidikan moral.
- c) kesepaduan nilai.
- d) patriotisme.

8.2 Menggubal kurikulum reka cipta untuk dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah.

8.3 Memastikan sains dan teknologi merentasi kurikulum semua peringkat matapelajaran.

8.4 Memastikan kesinambungan kurikulum daripada prasekolah ke peringkat pendidikan tinggi.

9. PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH

- 9.1 Menyepadukan pendidikan pra-sekolah yang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain di bawah Kementerian Pendidikan.
- 9.2 Memastikan semua kanak-kanak mengikuti pendidikan pra-sekolah.
- 9.3 Menyelaras dan memastikan kurikulum pra-sekolah di semua Institusi pra-sekolah dilaksanakan.

- c) Semua Pengeluaran dan tunjuk pengurusan Pengurus Utama dan Mengurusnya berdasarkan latihan pengurusan Sains
- 11.2 Menyediakan guru-guru yang mencakupi dalam bidang khas seperti pendidikan jasman, pendidikan khas, kesihatan dan kaunseling.
- 11.3 Memastikan guru-guru diberi latihan dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
- 11.4 Melaksanakan program pra-persaraan bagi semua Pegawai Pendidikan.
- 11.5 Menubuh dan mengembangkan Jawangan-Jawangan Institut Aminuddin Bakri.

10. TENAGA MANUSIA

10.1 Memastikan 80% daripada keperluan tenaga manusia dipenuhi di dalam bidang-bidang seperti berikut:-

- a) kejuruteraan/teknikal;
- b) perakaunan;
- c) perubatan dan pergigian;
- d) senibina;
- e) ukur; dan
- f) perguruan.

10.2 Memastikan Nisbah sains dan sastera seperti berikut:-

60 - Sains.

40 - Sastera.

11. TENAGA PENGAJAR

- 11.1 Memastikan tenaga pengajar di peringkat-peringkat yang tersebut di bawah ini mempunyai kelulusan-kelulusan tertentu:-
- a) Menengah - 100% berkelulusan ijazah
 - b) Rendah - 30% berkelulusan ijazah/ sekurang-kurangnya Diploma
 - c) Semua Pengetua/ Pengurus Utama - Mempunyai Ijazah Lanjutan
 - d) Semua Guru Besar - Mempunyai kelayakan/ latihan pengurusan
- 11.2 Menyediakan guru-guru yang mencukupi dalam bidang khas seperti pendidikan jasmani, pendidikan khas, kesihatan dan kaunseling.
- 11.3 Memastikan guru-guru diberi latihan dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
- 11.4 Melaksanakan program pra-persaraan bagi semua Pegawai Pendidikan.
- 11.5 Menubuh dan mengembangkan Cawangan-Cawangan Institut Aminuddin Baki.

12. SISTEM PENGURUSAN

- 12.1 Menurunkan kuasa pengurusan ke peringkat sekolah, daerah, bahagian dan Jabatan Pendidikan Negeri meliputi aspek kewangan, perancangan pelaksanaan kurikulum, latihan staf dan penilaian berasaskan pengendalian sekolah.
- 12.2 Mewujudkan strategi bagi memastikan kesinambungan pengurusan yang berkesan melalui sistem ‘succession’ dan pelapis di dalam perkhidmatan pendidikan.
- 12.3 Mengamalkan prinsip perkhidmatan penyayang melalui antara lain;
 - a) Latihan pra-persaraan;
 - b) Bank Guru;
 - c) Koperasi Guru; dan
 - d) Kesatuan Bekas Pendidik.
- 12.4 Melaksanakan Pekeliling-Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam dan Pekeliling-Pekeliling Iktisas bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan di semua peringkat.

13. PENGLIBATAN MASYARAKAT

- 13.1 Memantapkan rangkaian permufakatan di seluruh negara;
- 13.2 Mewujudkan PIBG daerah, Negeri dan Kebangsaan bagi membantu perancangan pendidikan negara;
- 13.3 Menentukan masyarakat membiayai sebahagian daripada kos pendidikan.

14. PENYELIDIKAN DAN SISTEM INFORMASI

- 14.1 Mewujudkan jaringan teknologi maklumat (on line system) di seluruh negara yang meliputi sekolah, PPD/PPB, JPN dan Kementerian Pendidikan.
- 14.2 Menubuhkan Institut Penyelidikan Pendidikan Negara
- 14.3 Mewujudkan sistem maklumat yang mantap
- 14.4 Memantapkan penataran maklumat mengenai pendidikan dan meningkatkan imej korporat Kementerian Pendidikan melalui media cetak dan media elektronik.

a) Latihan pra-persatuan;

b) Bank Guru;

c) Koperasi Guru; dan

d) Kesatuan Bekas Pendidik.

- 14.4 Melaksanakan Pekeling-Pekeling Kemajuan Pentadbiran Awam dan Pekeling-Pekeling Sektor bagi meningkatkan keberkesanannya penggunaan di semua peringkat.